

<b>Headline</b>	<b>Perak timbang persetujuan iktiraf Royal Belum sebagai Tapak Warisan Dunia</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Borneo Sarawak</b>		
<b>Date</b>	<b>11 Oct 2018</b>	<b>Color</b>	<b>Black/white</b>
<b>Section</b>	<b>News</b>	<b>Circulation</b>	<b>32,799</b>
<b>Page No</b>	<b>14</b>	<b>Readership</b>	<b>98,397</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>190 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 708</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily (EM)</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 2,125</b>



## Perak timbang persetujuan iktiraf Royal Belum sebagai Tapak Warisan Dunia

**IPOH:** Kerajaan negeri Perak sedang menimbang permintaan Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan untuk menjadikan Taman Negeri Royal Belum di Gerik diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Menteri Besar Ahmad Faizal Azumu berkata ini kerana sekiranya persetujuan diberi, ia sekali gus akan menjasakan kewangan negeri apabila penebangan balak tidak dapat dilakukan lagi di kawasan itu, sedangkan kegiatan itu memberi pendapatan kepada kerajaan negeri.

“Tidak adil kalau kita hentikan segala aktiviti pembalakan, kerana kerajaan negeri akan dinafikan daripada sumber kewangan yang cukup untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat,”

katanya kepada pemberita selepas bersiaran selama satu jam di PerakFM di Jabatan Penyiaran Malaysia Negeri Perak di sini semalam.

Sehubungan itu beliau meminta kerajaan persekutuan mencadangkan atau mencari jalan agar Perak peroleh sumbangan yang memadai sekiranya Royal Belum hendak diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia.

“Di Royal Belum banyak masalah yang dihadapi yang memerlukan perbelanjaan tinggi bagi mengawal pen eroakan pembalak haram, kerakusan pemburu haram membunuh Harimau Malaya yang telah hampir pupus dan untuk kawal kita perlu perbelanjaan yang banyak,” katanya.

“Perkara (pengiktirafan) ini perlu ditimbangkan, saya minta kerajaan persekutuan benar-benar memahami kerajaan negeri, walaupun kita

sambut baik apa yang sedang diusahakan itu,” tambahnya.

Kelmarin, Timbalan Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Muhammad Bakhtiar Wan Chik berkata pihaknya sedang mendapatkan persetujuan dari beberapa kerajaan negeri untuk membolehkan empat lagi destinasi di Malaysia diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO.

Katanya empat tapak itu adalah Taman Negara, Royal Belum di Gerik, Permatang Kuarza di Gombak, dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Pada masa ini empat tapak di Malaysia diiktiraf UNESCO sebagai Tapak Warisan Dunia iaitu Georgetown, Pulau Pinang dan Melaka; Lembah Lenggong di Perak; Taman Negara Kinabalu di Sabah dan Taman Negara Mulu di Sarawak.  
— Bernama